

Surat terbuka:

## DARI SEORANG PUTERA KEPADA AYAHANDA: BEKAS-BEKAS PERJUANG AGAMA DI TANAH AIR

Dengan nama Tuhan, dan sesudah bersyukur kepada-Nya.

Ayahanda!

Kiranya ayahanda tidak akan terkejut besar dengan surat kecilku ini, surat kecil lukisan hati, bayangkan

jiwa yang selama ini tak reda-redanya.....

Anakanda tumpahkan perasaan ini melalui kertas

secarik ini yang kiranya akan ayahanda sambut dengan girang dan besar hati.

Tentu sahaja sebagai surat-surat anakanda yang telah lalu pertama

kali doalah yang anakanda pohonkan kiranya ayah dan bonda

sihat walafiat melalui seluruh jalan raya hidup

ini.

Dan pada keduanya baharulah anakanda memasuki di dalam

maksud anakanda bermula.....

Ayahandaku!

Sebagai anakyang ayah asuh, sebagai putera yang menerima

pendidikan agama putera ayah yang selalu membaca al-Quran dan

menatap al-hadis, yang sejak pagi-paginya sampai ke petang mengaku dan

ulang mengaku keislamannya, tentulah tidak anakanda menyimpang jauh

dari garisan ini pula, sebenarnya roh agama telah sebat di dalam

jiwa ku laksana daging dan darah, kuku dan isi sebab

itu janganlah ayah marah-marah kalau selalu dari tulisan-tulisan ayahanda

soal Islamlah yang menjadi “objek” masalahnya, anakanda

tahu jiwaku sekarang, ayahanda faham pendirian teman-temanku

di tanah air dan di luar di mana mereka belajar

ilmu, kami mengelarkan diri kami sebagai

“angkatan baharu” angkatan baharu Islam di tanah air, dan

sebagai angkatan baharu kami tidaklah sanggup untuk menahan

lama perasaan hati kami seperti ayah dan golongan ayah

yang saban hari amat asyik dengan buku-buku fekah, dan

keadaan biasa di rumah semata-mata.

Demikianlah keadaan kami sehari ini- dan demikianlah

Perasaan itu meluap-luap....!

Ayahanda!

Perasaanku di waktu kini hangat dan bergelora benar,

seperti teman-temanku juga anakanda sudahlah sampai kepada

perbatasan jalan dari penyelidikan kami kenapa dan mengapa

Islam mundur di tanah air kita, sudahlah kami saksi

bahawa kemunduran Islam pada hari ini di persada

tanah air bukanlah oleh Islam itu sendiri, Islam ajaran

Muhammad rasulullah, tetapi sebaliknya oleh kelemahan dan

kecuaian ayah dan golongan ayah, kecuaian mereka yang

mengaku *warithatul anbiyā'*, pemimpin-pemimpin dan penganjur-penganjur agama....!

Tidaklah salah rupanya alasan anakanda tempoh hari,

seperti yang telah anakanda katakana berulang kali kepada ayah

bahawa tidaklah salah perkataan ‘Abduh “ al-Islām mahjub

bil muslimīn.....”!

aneh dan hairan dihatiku. Ayah! Ayah mengaku bahawa

ayah dan golongan seumpama ayah adalah *warithatul anbiyā'*— sering

anakanda dengar perkataan: “*kamilah warisatul anbiya*” itu,

tetapi perlaksanaan ayah setiap hari dengan kerja-kerja

ayah di dalam masyarakat bangsa adalah amat berlainan dengan pengakuan ayah itu sendiri.....

Ayah mengaku! “Nabi menyiarkan agamanya tidak pernah pengecut” tetapi ayah sendiri amat pengecut!

Ayah mendakwa! Sahabat utama empat serangkai tidak pernah menjual agama dengan pangkat, dengan harta kekayaan zahir tetapi teman-teman ayah sendiri sekarang amat gila benar dengan “gaji” dari pemerintah dan motor kar besar...

Betulkah ayah tidak pengecut? Dan betulkah golongan ayah tidak pernah meninggalkan agama semata-mata kerana pangkat? Janganlah cuba mengabui! Dahulu: masih melekat lagi di dalam kenanganku ayah sendiri dengan teman-teman lain memimpin sebuah pergerakan Islam yang besar di tanah air kemudian oleh gejala-gejala pergerakan itu ayah dan golongan ayah ditangkap, dan oleh belas hati pemerintah ayahanda dilpeas, dan ayah kembali memenmui kami, menemui saya, bonda dan adik-adikku, tetapi sayang selepas itu ayah tidak mahu keluar rumah lagi.....tidak mahu bercakap, tidak mahu berjalan, tidak mahu menemui rakyat yang dahulunya amat mencintai falsafah perjuangan Islam....!

Oh, ayah sangat pengecut.

Ayahandaku! Perhatikanlah itu mereka tertatih-tatih meraba di dalam gelap-gelita, tidak sekali cahaya mencetus tiba.

Ayahandaku! Perhatikanlah kami- sengsara kami, sedang kami masih bertauhidkan Tuhan!

Ayahandaku! Perhatikanlah pula bagaimana remuknya hati teman-teman yang segolongan, yang dulu turut mendokong cita-cita Islam melihat ayah meniggal mereka dengan cita-cita asali Bersama, sedang dulu ayah mengaku tidak akan undur dan Tak pernah kenal kalimah “undur”! buat apa sekolah ayah “di kaki gunung” itu di mana aku turut belajar dan meminum air hidayah pengajaran Tuhan itu lagi kalau jiwa ayah sekarang tidak seperti dulu, tidak seperti

kami kenal berapi-api?

Buat apa pula pengajaran: “Di dalam hidup kita mesti bercita-cita- dan cita-cita hanya dapat dilaksanakan melalui usaha-usaha bijaksana serta ketabahan hati” kalau sekarang pengajaran itu sudah tidak ada erti lagi buat ayah- buat jiwa ayah- teman-teman ayah?

“Janganlah dibiarkan semangat yang meluap-lupa panas- tetapi oleh suatu deseran angina, semangat itu sudah patah”.

Ayah! Jangan ayah biarkan “api jihad” yang sentiasa panas sekarang hendak padam!

Ayah! Janganlah ayah malukan saya dengan cemuhan orang kepadaku: “Ayah kau bukan kesatria sejati” Dan janganlah ayah lukakan hatiku sendiri dengan sikap ayah terhadap perjuangan Islam sekarang di samping usaha-usaha kemerdekaan iaitu sikap “tutup mata – pekak telinga” sedang mata ayah masih dapat melihat dan telinga ayah masih dapat mendengar.....”!

Dan dulu ayah juga yang mengatakan: bahawa pahlawan-pahlawan sejati seperti ayah dan golongan ayah tidak akan menolak Islam kebelakang dan meletakkan “pangkat kebesaran” ke depan, tetapi nah! Perhatikanlah ayah, setelah ayah ditangkap, teman ayah diberkas, diteruslah orang akan usaha-usaha yang masih terbengkalai, walaupun lain cara berjalan dan lain tempat berpijak memang terusan dari usaha ini mulanya amat segerap dan anakanda sendiri telah bergembira benar melihat bagaimana benih yang sama-sama ditanam (PAS) telah tumbuh dan hampir-hampir berdaun, tetapi sayang: Wahai sedihnya hati, tiba-tiba datanglah sangat teman ayah, teman seideologi, iaitu paman kami yang turut menjadi ketua teman-teman yang lain telah berhenti menyiram benih itu, dia merajuk tetapi syukur, benih belum mati, oleh berkat siraman abang-abang yang juga hampir-hampir sudah tidak berdaya lagi.....

Paman merajuk, abang-abang meneruskan usaha.....

Sekarang, ayah bebas. Pengaruh masih ada, tetapi “paman” sudah pergi ke rumah lain “rumah negara” namanya, dia tinggalkan kami, kami tahu, dalam rumah. Kami tak ada kekayaan, ta ada motokar, taka da pangkat, tetapi paman kami yang satu lagi masih mahu bersama-sama kami, mahu sama susah, walau pun untuk mendapat “peluang baik” masih terbuka di hadapannya, dan kami pun berjuanglah, sekadar tenaga kami- ah, berapalah sangat kuat tenaga abang-abang kami itu letih lesu..... tetapi perjuangan kami bulat menuju; keredhaan Tuhan semata....!

Ayah- kenapa ayah dan kawan-kawan ayah amat sepi sekarang, seolah-olah seperti manusia yang tidak berjiwa, kenapa mata ayah dan teman-teman seolah-olah tertutup, kenapa telinga ayah dan teman-teman seperti orang “pekak”.

Sudah berapa kali anakanda bangunkan ayah dari kelenaan, tak cukup dengan penaku yang ku cucuk di punggung sewaktu ayahanda semua hendak terus mendengkur “teman-teman anakanda sendiri telah turut membangun memberi jiwa – ada dari Kelantan dalam “*Pengasuh*” – ada dari Perak dalam “*Risalah al-Ulum*” ada yang mendapat pendidikan Tinggi di Mesir, di Mekah dalam “*Qalam*”- tetapi golongan ayah masih hendak mendengkur terus.....belum cukupkah dengan madah sukma Iqbal, sebagai mencaci mengeluh, meratap dan meminta akan nasibnya umat Islam dan Islam itu sendiri yang pernah terbiar melalui majalah ini untuk ayah dan golongan ayah? tak cukupkah dengan “HAMKA ” yang selalu bertegur sapa, denga Za‘Ba yang selalu memberi mutiara- dengan seruan azan dari Indonesia, Pakistan, Mesir. Di mana para mujahid mengeluarkan suara- menyeri wijaya- berkumandang di angkasa? Ah- kalau belum puas – kalau belum mendapat mengecap akan seninya perasaan Iqbal, akan alunan suara azan dipucuk menara itu, akan suara hafiz dengan

mushafnya maka tibalah saatnya untuk kita menegakkan pengakuan kepada diri sendiri:

“Hati kami telah tertutup- jiwa kami telah mati”

-*Qulūbana ghulfun.....*

\*\*\*

Anakanda menampak bahawa Islam hampirklah pudar, muram suram di tanah air di waktu kini, yang akan berakibat kejatuhan di masa depan.

Anakanda saksi pula Islam sudah hendak dijadikan perkakas, ulama digunakan “lidahnya” untuk memikat rakyat jelata, yang kemudian mereka disirih menuju lain dari kehendak Tuhan.

Islam bertapak ditengah rakyat, tetapi rakyat buta pemimpin dan untuk itu rakyat haruslah mendapat “pemimpin” kembali- pemimpin Tuhan!

Ayah! Jangan dibiar Islam begini, kaku mati! Kembalilah ayah, teman-teman ayah- paman kami dan seluruh para pemimpin yang kami tumpahkan harapan sama ada yang telah menarik diri, sama ada yang masih berdiri, atau sama ada yang hampir-hampir kaku mati, kembalilah tuan-tuan semua kepada amanah Tuhan- kepada tanggungjawab tuan-tuan sebagaimana harapan dan pesanan Rasul utama 1374 tahun yang lalu itu.

Seruan ini adalah seruan hati, dan ke dalam hati pula kiranya ia masuki, dan sampai di sini berakhirlah sirat anakanda, yang anakanda tujukan kepada ayah, teman-teman ayah, alim ulama, zaim zuama, penuntut-penuntut agama di tanah air dengan harapan tidak akan menjadi suatu perkara yang akan dianggap “sia-sia” dan diletakkan ketepi. Sekian, *wabillāh al-tawfiq*.

Salam hormat dan doa bahagia;

Anakanda:

J.Ahmad.

Langkasuka : 3 Mac 1955